

10/09/2003

Sabah membangun berkat muafakat

DALAM melaksanakan agenda pembangunan Sabah, kestabilan politik adalah ciri terpenting kerana sebarang pergolakan boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat dan mengganggu pentadbiran. Apa yang sangat diinginkan rakyat itu tercapai juga apabila Sabah mula diperintah Barisan Nasional (BN) selepas memenangi pilihan raya umum 1994. Kini sembilan parti komponen mendukung gabungan itu. Keadaan amat berbeza sebelum BN berkuasa berikutan perbalahan dan dakwaan salah guna kuasa serta penyelewengan selain rasa tidak puas hati penduduk. Kesangsian juga wujud di kalangan pelbagai kaum. Ketika itu peralihan kuasa mendadak diikuti perubahan pucuk pimpinan negeri hampir mengkucar-kacirkan keadaan.

Bagaimanapun, BN berjaya mewujudkan kemantapan politik di Sabah di sebalik keunikan satu formula pemerintahan yang sudah teruji selama 10 tahun iaitu sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri. Berikutan itu dalam masa singkat saja, Sabah sudah mempunyai tujuh Ketua Menteri. Matlamat sistem itu adalah memberi peluang kepada pemimpin dari tiga kelompok masyarakat utama untuk bergilir menerajui kerajaan negeri dengan masing-masing bagi tempoh dua tahun. Sistem itu diubah suai dua tahun lalu dengan pemimpin Umno diberikan tempoh dua penggal bagi setiap penggiliran berbanding hanya satu penggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Sejak dilaksanakan Sabah memang terus mencapai kemajuan, namun isu penggiliran itu tetap hangat terutama apabila tempoh seseorang Ketua Menteri menerajui kerajaan hampir selesai. Persoalannya apakah sistem itu harus diteruskan atau dimansuhkan saja. Kalangan yang mahu ia kekal berpendapat penggiliran itu berjaya memuaskan hati pelbagai kaum kerana ia memberi peluang kepada pemimpin semua kaum mengetuai tampuk pemerintahan. Golongan tidak setuju pula beranggapan ia kurang berkesan kerana dalam tempoh dua tahun seseorang yang memegang jawatan itu sukar menjayakan rancangan pembangunannya sedang penggantinya mengatur perancangan lain.

Bersandarkan konsep orang Sabahlah yang paling layak menyelesaikan isu itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada rakyat negeri itu sendiri menentukan sama ada mahu meneruskan sistem itu atau memansuhkannya. Sebagaimana dalam isu penting sebelum ini, permuafakatan dan semangat musyawarah di kalangan pemimpin pelbagai suku kaum itu berjaya membawa kesejahteraan, maka kini jelas bahawa jika pucuk pimpinan BN negeri berasa sistem itu ada kelemahan, perbincangan antara parti komponen perlu dilakukan, sekali gus mencari alternatif baru yang boleh memuaskan hati semua kaum.